

MAJLIS PENUTUP PROGRAM INDUKSI WISMA AHLI UDARA SIRI 3/19



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pusat-latihan/4874-majlis-penutup-program-induksi-wisma-ahli-udara-siri-3-19

TANJUNG BUNGAH, 19 Apr 19 - Institut Kepimpinan dan Pengurusan (INSKEP) telah mengadakan Majlis Penutup Program Induksi Wisma Ahli Udara Siri 3/19 yang telah dihadiri oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM dan isteri Puan Noorhafiza binti Hj Zainol. Turut hadir Ketua Jurulatih, Mej Mohd Sani bin Shafie TUDM, Pegawai Penjaga Wisma, Kapt Mohd Firdaus bin Abd Aziz TUDM, Penasihat Wisma Ahli Udara, PW U II Mohd Nafizan bin A.Rani, YDP Wisma Ahli Udara, Kpl U Mohd Azaham bin Maarof, AJK Wisma Ahli Udara dan ahli-ahli Wisma Ahli Udara. Program yang telah dilaksanakan selama 14 hari ini telah melibatkan seramai 2 anggota sepanjang program dilaksanakan.

Peserta induksi telah diberi tunjuk ajar berinteraksi mengikut tatacara yang betul sebagai seorang anggota TUDM terlatih seperti etika wisma, adap sopan, protokol, hormat-menghormati, berbudi Bahasa, bertanggungjawab, kerjasama dan mematuhi arahan daripada pihak atasan dan sanggup berkorban demi tugas. Mereka juga diberi pendedahan untuk menguruskan aktiviti-aktiviti sihat, bersosial, etika di majlis-majlis.

Majlis Penutup Program Induksi Wisma Ahli Udara Siri 3/19 tersebut telah disempurnakan oleh Pegawai Memerintah INSKEP, Lt Kol Nurul Amir bin Othman TUDM dan juga dimeriahkan lagi dengan beberapa persembahan dan permainan dari peserta induksi dan juga ahli-ahli Wisma Ahli Udara.

